

# Pertubuhan-Pertubuhan Pembela Islam (PEMBELA)

---

Rujukan kami : 7 dlm 108/2(A60)  
Tarikh : 17 Julai 2006/ 20 JamadilAkhir 1426H

**Yang Berusaha,  
Presiden / Setiausaha  
Pertubuhan-Pertubuhan Islam /JKK/Masjid/Surau  
& Individu-individu Prihatin Seluruh Negara**

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ

Tuan/Puan/Sdr./Sdri./Muslimin/Muslimat yang dihormati,

## **KEMPEN PUNGUTAN TANDATANGAN MEMPERTAHANKAN KESUCIAN ISLAM DI MALAYSIA**

Mutakhir ini terdapat satu usaha berterusan oleh pihak-pihak yang berkepentingan untuk menjejaskan kesucian Islam di Malaysia. Antaranya ialah cadangan penubuhan Suruhanjaya Antara Agama, kes-kes Kamariah Ali, Muhammad Abdullah @ Moorthy dan Shamala, gerakan kumpulan "Article 11" dan yang terkini kes permohonan murtad Azlina Jailani (Lina Joy).

2. Usaha yang terkini ialah untuk mendapatkan tafsiran mahkamah mengenai Perkara 11(1) Perlembagaan Persekutuan bagi membenarkan seorang Muslim secara bebas mengisytiharkan diri keluar dari agama Islam. Usaha ini jika berjaya akan memberikan implikasi-implikasi berikut:

- i. Perkara 3 Perlembagaan Persekutuan yang memperuntukkan kedudukan istimewa Islam sebagai Agama Persekutuan akan terhakis.
- ii. Bidangkuasa eksklusif Mahkamah Syariah untuk mengadili kes-kes berkaitan agama Islam sebagaimana yang diperuntukkan dalam Perkara 121(1A) Perlembagaan Persekutuan akan terjejas.
- iii. Perkara 11(4) Perlembagaan Persekutuan yang membenarkan Dewan Undangan Negeri (Parlimen dalam kes Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Labuan dan


Putrajaya) menggubal undang-undang bagi menyekat dakwah agama lain kepada umat Islam tidak lagi bermakna.

- iv. Salah satu ciri definisi Melayu dalam Perlembagaan Persekutuan iaitu seorang yang menganut agama Islam akan turut terjejas.
  - v. Individu-individu beragama Islam boleh secara bebas mengisytiharkan diri keluar dari Islam untuk mengelak daripada penguatkuasaan undang-undang Islam dan seterusnya merendahkan kesucian Islam.
3. Justeru, Pertubuhan-Pertubuhan Pembela Islam (PEMBELA) yang dianggotai oleh lebih 50 pertubuhan Islam di Malaysia, menyeru umat Islam di negara ini supaya menyuarakan sokongan mereka terhadap usaha mempertahankan kesucian Islam dengan menandatangani nota sokongan yang disertakan. Kami percaya jika tidak dihentikan segera, cubaan menjejaskan kesucian Islam, terutamanya melalui saluran perundangan, akan diteruskan oleh pihak-pihak yang tidak bertanggungjawab.
4. Panduan kepada koordinator tandatangan:
- i. Sila dapatkan tandatangan ahli qaryah, sahabat, saudara, jiran, rakan sekerja, dan lain-lain.
  - ii. Tentukan semua maklumat yang diminta dilengkapi.
  - iii. Buat salinan jika tidak mencukupi.
  - iv. Sila kembalikan kepada:

**PEMBELA,**  
d/a Sekretariat ABIM Pusat,  
Anjung Rahmat, Batu 6, Jalan  
Gombak,  
53100 Kuala Lumpur  
Tel: 03-6188 0300, Faks: 03-6189 6700,  
Email: [abim@po.jaring.my](mailto:abim@po.jaring.my)

**Pertubuhan Kebajikan Al-Nidaa' Malaysia,**  
No. 17A, Lorong Datuk Sulaiman 7,  
Taman Tun Dr. Ismail,  
60000 Kuala Lumpur,  
Tel: 03-77106900, Fax: 03-77107900  
Email: [urusetia@al-nidaa.com.my](mailto:urusetia@al-nidaa.com.my)

Sekian, wassalam.



Yang benar,

**YUSRI MOHAMAD**  
Presiden ABIM /  
Pengerusi Mesyuarat PEMBELA

## Pertubuhan-Pertubuhan Pembela Islam (PEMBELA)

Pertubuhan-Pertubuhan Pembela Islam (PEMBELA) iaitu gabungan wakil-wakil NGO-NGO Islam yang prihatin dalam menangani pelbagai isu-isu berkaitan dengan kedudukan Islam di Malaysia. Mesyuarat pada 16 Julai 2006/19 Jamadilakhir 1427H dihadiri lebih daripada 50 NGO, pertubuhan pelajar, Jawatankuasa Penduduk, organisasi Masjid serta Surau telah memutuskan untuk menubuhkan gabungan tersebut sebagai rangkaian gerak kerja bersama organisasi Islam di Malaysia.

**PEMBELA** bagi pihak seluruh umat Islam MENYERU:

1. Kerajaan pimpinan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi meminda Perkara 11(1) Perlembagaan Persekutuan dengan memasukkan peruntukan yang jelas menghalang individu-individu beragama Islam daripada secara bebas mengisytiharkan diri keluar dari agama Islam.
2. Pihak kerajaan, pemimpin-pemimpin politik, pertubuhan-pertubuhan bukan kerajaan dan ketua-ketua masyarakat mengambil tindakan proaktif mempertahankan kedudukan istimewa Islam di Malaysia daripada diganggu gugat oleh pihak-pihak berkepentingan.

Bil	NAMA	NO. KAD PENGENALAN	TANDATANGAN
1			
2			
3			
4			
5			
6			
7			
8			
9			
10			